

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 25 APRIL 2022

SENTIMEN : POSITIF

MUKA SURAT : 23

HARI : ISNIN

# Bank Islam, PTPTN salur RM246k santuni pengajian 123 anak yatim

**Kuala Lumpur:** Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) menyalurkan bantuan kewangan pengajian berjumlah RM246,000 bagi menyantuni 123 pelajar anak yatim daripada golongan asnaf dan B40.

Bank Islam dan PTPTN masing-masing menyumbang RM123,000 bagi usaha murni ini.

Setiap pelajar terpilih menerima bantuan kewangan pengajian berjumlah RM2,000 seorang terdiri daripada wang tunai RM1,000 dan bakinya dikreditkan ke akaun Simpan SSPN Prime

masing-masing untuk dimanfaatkan apabila mereka melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi kelak.

Ia sebahagian daripada inisiatif tahunan AMAL bagi membantu golongan yang memerlukan menggunakan dana zakat dan dana tanggungjawab korporat Bank Islam serta wakalah zakat PTPTN melalui Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (Maips).

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed berkata, pihaknya prihatin dengan keadaan semasa yang amat mencabar, terutama sejak penularan wabak Covid-19 yang turut menjas-

kan kualiti kehidupan masyarakat.

“Sempena bulan Ramadan, pelbagai inisiatif kami atur bagi memeriahkan sambutan serta meringankan beban golongan yang terkesan. Sejumlah RM385,000 kami peruntukkan di bawah program AMAL Ihtimam Ramadan bagi menyantuni segenap lapisan masyarakat.

“Inisiatif bantuan kewangan pengajian kepada pelajar anak yatim terpilih dan B40 ini sebahagian daripada program berkenaan. Tumpuan kami kali ini untuk pelajar yang bakal menduduki peperiksaan khas,” katanya.